

Perkenal GST secara progresif beri manfaat semua golongan

• GST lebih cekap, telus dan adil berbanding SST, ia beri manfaat kepada rakyat, peniaga dan kerajaan secara lebih menyeluruh, akhirnya akan mengangkat ekonomi negara ke arah lebih baik pada masa hadapan

• GST ialah cukai penggunaan hingga kita dicukai apabila berbelanja, biasanya orang kaya lebih berbelanja yang harga barangan dan perkhidmatan dikeluarkan mereka lebih mahal berbanding B40 atau M40



Profesor Madya
Pusat Pengajian Ekonomi,
Kewangan dan
Perbankan, Universiti
Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah
Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Kerajaan Perpaduan sudah pun memperkenalkan visi Ekonomi MADANI, dilengkapi dengan pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa 1 dan Fasa 2, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 serta Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12).

Esok, Belanjawan 2024 akan dibentangkan, dokumen perancangan ekonomi dijangka bukan sahaja berperanan sebagai prakarsa baharu dalam konteks naratif Ekonomi MADANI, bahkan memperincikan lagi dasar, strategi dan inisiatif diperkenalkan dalam kerangka visi ekonomi berkenaan secara keseluruhannya.

Namun, satu perkara struktural tidak disentuh secara mendalam dan menyeluruh dalam model Ekonomi MADANI ialah reformasi sistem percutian sedia ada, iaitu Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (SST).

Realitinya, SST ialah sistem percutian tidak, tidak cekap dan tidak telus. Oleh itu, ia tidak perlu dipertahankan jika kita benar-benar ingin menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi kelak. Dalam KSP RMK12, ada disentuh mengenai keperluan memperluas asas cukai, mempelbagai sumber cukai dan menambah baik pentadbiran percutian. Antara cukai baharu dijangka dilaksanakan pada 2024 ialah Cukai Keuntungan Modal (CGT).

Ini sejajar dengan apa disebut pada Belanjawan 2023 dibentangkan pada Februari lalu. Selain pelaksanaan sistem cukai CGT, Belanjawan 2023 juga mencadangkan Cukai Barangan Mewah yang sehingga kini masih belum lagi ada perincian penuh, terutama dari segi pelaksanaannya.

Namun, adakah usaha meningkatkan cukai kepada golongan dilihat sebagai 'mahakaya' ini memadai, terutama jika kita melihat instrumen cukai ini bukan sahaja dari aspek meningkatkan hasil kerajaan, bahkan mereformasikan pengurusan ekonomi kepada sistem lebih telus, cekap dan adil?

Di sini, saya mencadangkan GST diperkenalkan pada 2015 dan dihapuskan pada 2018, diwujudkan semula dalam Belanjawan 2024. Diakui ada isu dan masalah berkaitan GST semasa dilaksanakan.

Bagitulah lumrah jika apa-apa dasar ataupun sistem berbentuk struktural mula diperkenalkan, memang ada kelemahan dari segi pelaksanaan pada awalnya. Namun, kurang bijak jika setiap kali ada masalah dalam pelaksanaan sesuatu dasar ataupun sistem baharu diperkenalkan, ia terus dihapuskan

tanpa mengira keperluan untuk ditambah baik.

Jika dasar atau sistem itu baik, ia tidak sepatutnya dihapuskan. Dalam konteks GST, jelas isunya bukan sistem itu sendiri, tetapi masalah pelaksanaan pada peringkat permulaan. Jika ia dilaksanakan semula di bawah Belanjawan 2024, saya percaya kita dapat mengelak masalah ini kerana kita sudah mempunyai pengalaman dalam melaksanakan GST.

Lagipun, infrastrukturnya sudah ada. Rata-rata rakyat sudah faham ada banyak lagi faktor lain menyebabkan kenaikan dalam kos sara hidup dan menghapuskan GST bukan penyelesaian kepada masalah kenaikan kos sara hidup yang kita masih lagi hadapi hingga hari ini. Disebabkan sistem cukai GST lebih cekap, telus dan adil berbanding SST, ia akan memberikan manfaat kepada rakyat, peniaga dan kerajaan secara lebih menyeluruh, akhirnya akan mengangkat ekonomi negara ke arah lebih baik pada masa hadapan.

Rakyat akan mendapat manfaat kerana GST secara relatifnya jauh lebih adil dan saksama daripada SST. Bayangkan ketika ini, hanya 4.5 juta daripada 16 juta jumlah keseluruhan tenaga buruh membayar cukai. Adakah ini adil?

Bergantung kepada model pelaksanaan

GST ialah cukai penggunaan hingga kita dicukai apabila berbelanja. Biasanya orang kaya akan lebih berbelanja yang harga barangan dan perkhidmatan dikeluarkan mereka lebih mahal berbanding golongan B40 atau M40.

Walaupun GST secara asasnya ialah sistem cukai regresif, ia boleh jadi progresif bergantung kepada model pelaksanaannya kelak, misalnya dengan mengecualikan beberapa item, terutama barangan ke-

MENJELANG BELANJAWAN 2024



perluan serta barangan selalu dibeli golongan B40, dikecualikan daripada dikenakan GST.

GST juga instrumen efektif mengurangkan kesenjangan agihan pendapatan. Sebelum pelaksanaan GST misalnya, nilai pekali Gini Malaysia adalah sekitar 0.441 dan selepas GST dilaksanakan, pada 2016 misalnya, nilai pekali Gini berkurangan pada kadar 0.399.

Pekali Gini diguna untuk mengukur ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan dengan nilai 0

bermaksud keseimbangan sempurna, manakala nilai 1 adalah ketidakseimbangan sepenuhnya.

Tidak seperti SST, GST boleh meningkatkan hasil negara berlipat kali ganda bukan disebabkan meningkatkan (dibaca membebaskan) cukai kepada rakyat, tetapi kerana GST lebih cekap dan mempunyai asas lebih luas serta dapat menyelesaikan masalah ekonomi gelap di negara ini.

Akhirnya, hasil tambahan ini lebih disalurkan secara terus kepada rakyat, terutama golongan begitu memerlukan dengan kadar segera untuk membantu mereka yang ketika ini begitu terbeban dengan kenaikan dalam kos sara hidup.

Jika dilihat pelaksanaan GST di lebih 170 negara, apabila ia dilaksanakan, secara beransur-ansur cukai pendapatan juga akan dikurangkan. Sekali lagi, pengurangan dalam cukai pendapatan ini begitu membantu untuk meningkatkan kuasa beli rakyat, terutama kepada golongan pertengahan ataupun M40.

Cukai korporat juga beransur-ansur akan dikurangkan, sekali gus akan menarik pelabur langsung asing (FDI) untuk datang. Ini berbeza jika kerajaan cuba untuk melaksanakan CGT yang dijangka akan mengurangkan kemasukan FDI dan menjejaskan prestasi Bursa Malaysia kerana kebanyakan negara jiran kita tidak melaksanakan CGT ketika ini.

Jelas pelaksanaan GST juga dapat mengukuhkan asas ekonomi negara dan meningkatkan daya tahan serta daya saing negara dengan mengurangkan ketergantungan hasil kerajaan kepada sumber minyak dan gas, meningkatkan eksport, mengawal defisit negara serta meningkatkan nisbah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada cukai negara yang ketika ini masih rendah berbanding negara maju.

Akhirnya, memperkenalkan semula GST dengan penambahbaikan dan pelaksanaan model lebih progresif boleh dilihat sebagai terjemahan kepada naratif Ekonomi MADANI bersifat manusiawi dan menekankan ketelusan, tata kelola baik serta kerangka regulasi mantap.

“GST boleh tingkat hasil negara berlipat kali ganda kerana lebih cekap dan mempunyai asas lebih luas serta dapat mengatasi masalah ekonomi gelap”

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH